

18 FEB 2000

Mahkamah-Anwar

PEMBELAAN DIARAH TUNJUK KETERANGAN PM RELEVAN KEPADA KES

KUALA LUMPUR, Feb 18 (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini mengarahkan pihak pembelaan dalam perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, supaya menunjukkan bahawa keterangan perdana menteri relevan kepada kes itu sebelum memanggilnya sebagai saksi.

Hakim Datuk Arifin Jaka menolak bantahan awal yang dibangkitkan oleh peguam Anwar, Karpal Singh, atas alasan bahawa ia tidak mempunyai merit.

Semalam Karpal Singh berhujah bahawa pihak pendakwaan, yang diketuai Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail, tidak mempunyai locus standi (hak di sisi undang-undang) untuk membantah langkah pihak pembelaan memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi perbicaraan itu.

"Saya belum membuat keputusan sama ada untuk memanggil perdana menteri hadir dimahkamah atau tidak," kata Arifin.

Katanya pihak pembelaan perlu memuaskan hati beliau bahawa keterangan yang akan diperolehi daripada Dr Mahathir adalah relevan kepada fakta dan isu dalam kes berkenaan.

Karpal Singh lalu memberitahu mahkamah bahawa pihak pembelaan akan memfailkan affidavit mengenai perkara itu dan Arifin menetapkan hari Selasa ini untuk mendengarnya.

Karpal Singh juga berhujah bahawa Dr Mahathir perlu membuat permohonan untuk mengetepikan sapa berkenaan jika beliau tidak mahu hadir di mahkamah.

Abdul Gani telah membantah pada hari Rabu terhadap langkah pihak pembelaan untuk memanggil perdana menteri supaya hadir di mahkamah, dan memohon supaya mahkamah menggunakan Seksyen 136 Akta Keterangan 1950 sebelum memutuskan sama ada akan memanggil perdana menteri atau tidak.

Dalam keputusannya hari Ini, Arifin berkata undang-undang tidak menentukan bahawa permohonan mesti dibuat bagi mengetepikan sapa sebelum Seksyen 136 digunapakai.

Anwar, 52, dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini pada 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail di tempat dan pada masa yang sama.

Beliau telah memohon kepada mahkamah pada Oktober tahun lepas untuk memanggil Dr Mahathir supaya hadir sebagai saksinya dalam kapasitinya sendiri, dan semalam Anwar juga memohon untuk memanggil perdana menteri sebagai saksinya.

-- BERNAMA

sbb nhd JK NMO